

NO. SOALAN: 39

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN [PENGERANG]

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta PERDANA MENTERI menyatakan benarkah hukum hudud tidak boleh dilaksanakan kerana Malaysia sebuah negara sekular dan bolehkah hudud atau undang-undang yang berdasarkan syariah dikuatkuasakan ke atas semua pihak di Malaysia.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah ditegaskan bahawa Malaysia adalah **bukan negara sekular**. Ini berdasarkan kepada fakta sejarah yang menunjukkan bahawa Malaysia telah ditubuhkan

berasaskan Kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan Raja-Raja Melayu merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing

Ini diperkuuhkan dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang jelas menyatakan “ **agama Islam adalah agama bagi Persekutuan**, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”. Kedudukan ini dizahirkan lagi dengan adanya peruntukan-peruntukan lain yang menjaminnya, antara lain—

- (a) Fasal (4) Perkara 11 [berkenaan dengan penyekatan pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan penganut agama Islam oleh undang-undang Negeri atau persekutuan];
- (b) Fasal (2) Perkara 12 [tentang hak berkenaan dengan pendidikan, di mana sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan yang perlu];
- (c) Fasal (1A) Perkara 121 [bahawa Mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah];

- (d) butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan [yang antaranya termasuk hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam dan mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam]; dan
- (e) ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat untuk memelihara agama Islam pada setiap masa.

Oleh yang demikian, kedudukan ini berbeza dengan **negara sekular yang tidak menetapkan sesuatu agama sebagai agama negara tetapi rakyatnya dibenarkan untuk mengamalkan agama mereka masing-masing**. Agama mereka adalah terpisah dan merupakan amalan peribadi seseorang.

Berhubung persoalan sama ada undang-undang yang berasaskan syariah boleh dikuatkuasakan ke atas semua pihak di Malaysia, Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri dan hanya terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan.

Kerajaan Persekutuan juga sentiasa berusaha dengan mengambil **pendekatan secara bertahap** bagi memastikan Undang-Undang Jenayah Syariah dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah.

Sekian, terima kasih.